

Pilihan Raya Umum Ke-15 di Sabah: Isu, Trend dan Cabaran

The 15th General Election In Sabah: Issues, Trends and Challenges

SHARIFAH NURSYAHIDAH SYED ANNUAR^{1*}, AZWAN AHZAN PERMAN²

¹*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

²*Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu, Beg Berkunci 71, 88997 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.*

Corresponding author: shnursyahidah@ukm.edu.my

Received: 1 April 2023 Accepted: 29 May 2023

Abstrak

Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, senario politik di Sabah tidak statik dan cukup dinamik sehinggakan ia sukar diramal. Situasi ini terlihat sekali lagi apabila keputusan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) di negeri ini menyaksikan parti politik atau gabungan parti politik yang terdiri daripada Gabungan Rakyat Sabah-Barisan Nasional (GRS-BN), Parti Warisan, Pakatan Harapan, Bebas, dan lain-lain tidak memperoleh kemenangan yang selesa. Sejak PRU-14, ujaran bahawa Sabah merupakan salah satu “simpanan tetap” kepada mana-mana parti politik atau gabungan parti politik mungkin sudah tidak sesuai sebagai penunjuk keputusan dan naratif pilihan raya. Faktor teritorial Pantai Timur-Pantai Barat dan faktor parti juga tidak signifikan. Sebaliknya, terdapat faktor-faktor lain yang mungkin menyumbang kepada “perpecahan” kemenangan kerusi tersebut. Sehubungan dengan itu, artikel ini membincangkan kedinamikan persaingan elektoral yang mempengaruhi sentimen dan pilihan pengundi rakyat Sabah ketika PRU-15. Maka dengan itu, tujuh perkara utama akan dilihat dalam artikel ini; hubungan kerajaan Pusat-Negeri, sentimen primordial, faktor calon, pengundi muda, faktor pengundi bandar, faktor perpecahan gabungan parti politik, dan faktor situasi menang-menang gabungan parti politik. Oleh yang demikian, berdasarkan pendekatan kualitatif khususnya temu bual dan pemerhatian, artikel ini menghujahkan bahawa isu, trend, dan cabaran yang wujud serta menguji landskap politik di Sabah adalah sebahagian daripada perkembangan iklim politik semasa dan merupakan proses demokrasi yang wajar diterima.

Kata kunci: PRU-15; Sabah; Hegemoni; Demokrasi; Borneo

Abstract

Compared to other states, the political scenario in Sabah is rather not static and it is quite dynamic, making it a bit difficult to predict. This was evident once more during the results of the 15th General Election (GE-15) in which no political party or coalition, including the Gabungan Rakyat Sabah – Barisan Nasional (GRS-BN), WARISAN, Pakatan Harapan, Bebas, and others, achieved a comfortable victory. Since the 14th General Election, the idea that Sabah is a fixed deposit for any political party or coalition may no longer be an accurate indicator of election results and narratives. Factors such as the East Coast-West Coast territorial factor and the party factor were also not significant. Instead, other factors may have contributed to the “division” of seats. Therefore, this article discusses the dynamics of electoral competition that influence the sentiments and choices of Sabah’s voters during GE-15. This article will examine seven key issues: the relationship between the Federal and State governments, primordial sentiments, candidate factors, young voters, urban voters factors, the factor

of political party fragmentation, and the situation of coalition victories. Thus, based on a qualitative approach, specifically interviews and observations, this article argues that the issues, trends, and challenges that exist and shape the political landscape in Sabah are part of the current political climate and a normal democratic process.

Keywords: GE-15; Sabah; Hegemony; Democracy; Borneo

Pengenalan

Pada tahun 2018, Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) di Malaysia telah menyaksikan parti pemerintah Barisan Nasional (BN) mengalami kekalahan pertama mereka dalam pilihan raya umum selepas lebih enam dekad. Peristiwa tersebut telah membawa kembali harapan untuk demokrasi di negara ini. Apatah lagi, peralihan kuasa kepada gabungan parti pembangkang yang baharu, Pakatan Harapan (PH) melalui sistem pilihan raya juga telah berjalan secara aman. Dalam pilihan raya tersebut, BN tewas di semua negeri kecuali Pahang dan Perlis.¹ Namun, rentetan daripada PRU-14, pelbagai kemelut politik dan ekonomi timbul di negara ini. Antaranya, Langkah Sheraton, kejatuhan kerajaan PH, pertukaran tiga Perdana Menteri, krisis Coronavirus (COVID-19), penubuhan parti-parti dan gabungan parti politik baharu, serta beberapa siri pilihan raya negeri seperti di Sabah, Melaka, Sarawak, dan Johor.²

Manakala, keputusan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) pada tahun 2022 juga telah melakar sejarah kerana tidak ada satu pun parti politik atau gabungan parti yang memperoleh majoriti 112 kerusi Parlimen untuk membentuk kerajaan. PH memenangi sebanyak 76 kerusi Parlimen, Perikatan Nasional (PN) 51 kerusi, BN 30 kerusi, Gabungan Parti Sarawak (GPS) 22 kerusi, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) 22 kerusi, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) enam kerusi, Parti Tindakan Demokratik (DAP) lima kerusi, Parti Warisan (WARISAN) tiga kerusi, calon BEBAS dua kerusi, Parti Ikatan Demokratik Rakyat (MUDA) satu kerusi, dan Parti Bangsa Malaysia (PBM) satu kerusi.³ Kesannya, sebanyak lima gabungan parti bersepakat untuk bergabung dan membentuk Kerajaan Perpaduan yang diterajui oleh Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10. Mereka juga telah menandatangani perjanjian permuafakatan untuk mengukuhkan kerjasama dalam kerajaan baharu tersebut.⁴

Walau bagaimanapun, senario politik di Sabah mungkin tidak sama dengan negeri-negeri lain. Urutan peristiwanya tidak statik dan agak dinamik sehinggakan sukar untuk meramal keputusan pilihan raya atau percaturan politik elit politik di negeri tersebut. Malah, ketika awal PRU-15 lagi, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Sabah dapat bekerjasama dengan GRS-BN.⁵ Sedangkan, pada peringkat nasional, BERSATU tidak bersekutu dengan BN. Mereka bersama dengan parti-parti politik lain di bawah PN seperti PAS dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN). Keputusan PRU-15 juga mengejutkan kerana GRS-BN, WARISAN, PH, BEBAS, dan lain-lain tidak menang dengan mudah di Sabah. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)-BN memperoleh enam kerusi Parlimen, GRS-BERSATU empat kerusi, WARISAN tiga kerusi, BEBAS dua kerusi, PH-Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) dua kerusi, PH-DAP dua kerusi, PH-Parti Keadilan Rakyat (PKR) satu kerusi, Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM) satu kerusi, GRS-Parti Bersatu Sabah (PBS) satu kerusi, dan GRS-Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) satu kerusi.⁶

Situasi ini menggambarkan bahawa Sabah kini tidak menjadi “simpanan tetap” kepada mana-mana parti politik atau gabungan parti politik sejak PRU-14.⁷ Bahkan, parti-parti politik tertentu tidak lagi mendominasi kawasan pilihan raya sama ada di Pantai Timur atau Pantai Barat. Misalnya, WARISAN yang sebelum ini kukuh di bahagian Pantai Timur.⁸ Faktor parti dan demografi seakan-akan sudah tidak signifikan. Pada masa sama, kerajaan negeri tidak membubarkan Dewan Undangan

Negeri (DUN) kerana masih ada tiga tahun lagi untuk mereka menghabiskan satu penggal sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) yang terbaru diadakan pada tahun 2020.⁹ Ketiadaan PRN ini mungkin menyebabkan sambutan PRU-15 di Sabah tidak serancak seperti sebelumnya walaupun idea Blok Borneo dimainkan lagi dan menjadi bahan kempen Mohd Shafie Apdal dan Hajiji Noor. Keduanya bersaing untuk memperjuangkan isu tersebut dan berusaha untuk berbincang dengan Premier Sarawak, Abang Johari Abang Openg.¹⁰

Sehubungan dengan itu, artikel ini menghujahkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mungkin menyumbang kepada keputusan PRU-15 di Sabah dan selanjutnya menyebabkan “perpecahan” kemenangan parti-parti politik di negeri tersebut. Kedinamikan persaingan elektoral telah mempengaruhi sentimen dan pilihan pengundi rakyat Sabah. Maka, tujuh aspek utama dilihat dalam artikel ini. Antaranya adalah hubungan kerajaan pusat-negeri, sentimen primordial, faktor calon, pengundi muda, faktor pengundi bandar, faktor perpecahan gabungan parti politik, dan faktor situasi menang-menang gabungan parti politik. Oleh yang demikian, artikel ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian seterusnya adalah sorotan literatur untuk mengulas kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan pilihan raya dan senario politik di Sabah. Bahagian kedua adalah mengenai metodologi kajian ini. Kemudian, bahagian “Isu, Trend, dan Cabaran”, membincangkan tujuh aspek yang telah dinyatakan, dan bahagian “Pasca PRU-15 di Sabah” menerangkan peristiwa-peristiwa yang berlaku setelah PRU-15. Akhir sekali, artikel ini ditutup dengan kesimpulan.

Sorotan Literatur Senario Politik di Sabah

Ringkasan Perubahan Politik Sabah dari Tahun 1960 sehingga awal 1990-an

Dalam literatur politik Malaysia, Sabah mempunyai kedudukan yang agak istimewa jika dibandingkan dengan negeri lain. Keistimewaan ini dapat dilihat dari segi perkembangan politik tempatan dan latar belakang kepelbagaian geografi, etnik dan agama yang berbeza berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kewujudan Sabah dan interaksi aktifnya dalam politik Malaysia mempunyai sejarah tersendiri. Bermula daripada penubuhan Malaysia, dinamik politik negeri ini terus berkembang seiring dengan pergerakan masa. Justeru, perubahan politik Sabah yang dibincangkan dalam kajian ini merangkumi perubahan yang bermula pada pertengahan kurun ke-20 apabila pembentukan Malaysia dimulakan. Pada awal tahun 1960-an sehingga awal 1990-an, politik Sabah dikuasai oleh parti politik tempatan, dan taruhan diletakkan kepada parti yang dapat memimpin dengan sokongan majoriti melalui pilihan raya ataupun daripada perpindahan sokongan politik.

Kewujudan United Pasokmomogun Kadazan Organisation (UPKO) dan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) sebagai antara parti tempatan yang dominan pada awal era pembentukan Malaysia mewarnai dimensi politik negeri ini dan melalui gabungan Parti Perikatan Sabah mereka telah memperoleh kemenangan dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) yang pertama negeri itu pada tahun 1967. Ketidakstabilan politik dalam USNO serta parti politik semasa telah melahirkan pula sebuah parti baharu iaitu Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA). Kewujudan BERJAYA sebagai parti politik alternatif telah membuahkan hasil pada era tahun 1970-an dan 1980-an dengan keupayaan mereka memenangi PRN Sabah dan menggantikan pucuk pimpinan daripada USNO.¹¹ Walau bagaimanapun, ketidakstabilan politik diteruskan dengan percanggahan yang berlaku dalam BERJAYA. Hasil percanggahan tersebut telah kemudiannya membawa kepada penubuhan Parti Bersatu Sabah (PBS). PBS telah memenangi pilihan raya Sabah pada pertengahan tahun 1980-an dan awal 1990-an di Sabah, menunjukkan perubahan sokongan rakyat Sabah kepada parti baharu tersebut. Namun, mulai dari pertengahan tahun 1990-an, kemasukan parti politik daripada Semenanjung Malaysia telah mengubah landskap politik Sabah hasil daripada kerjasama dengan

pemimpin-pemimpin parti tempatan di Sabah.

Kemasukan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada pertengahan tahun 1990-an di Sabah telah menjejaskan kuasa dan pengaruh parti tempatan.¹² Apatah lagi, kekuatan UMNO di negeri ini telah menjamin kemenangan Barisan Nasional (BN) pada peringkat persekutuan. Pada masa sama, sikap negatif yang diberikan terhadap UMNO oleh beberapa parti tempatan mula berubah apabila peluang kerjasama antara parti mampu mengubah percaturan dan kelangsungan mereka di Sabah. UMNO di Sabah terus menunjukkan kestabilan yang utuh dalam setiap pilihan raya dengan mempunyai kelebihan sokongan bersama parti yang memerintah di pihak persekutuan pada era tahun 1990-an dan awal 2000-an.

Justeru, dari PRU pertama pada tahun 1964 sehingga PRU ke-10 pada tahun 1999 merupakan era pertukaran sokongan kepada kerajaan persekutuan melalui negeri Sabah yang tidak konsisten, dan menyebabkan hubungan antara kerajaan negeri dengan persekutuan menjadi cukup dinamik. Perubahan parti tempatan Sabah yang bersifat pro-persekutuan dan pro-tempatan ada kalanya menjadi bahan pilihan raya, yang akhirnya juga dilihat pada PRU ke-15. Pergolakan politik bukanlah perkara baharu dalam dunia politik negeri Sabah. Selama berdekad-dekad, elit politik dan parti politik merebut kuasa yang kemudiannya ditentukan dengan undian pengundi serta ahli parlimen yang mudah melompat parti. Maka dengan itu, pola perubahan politik Sabah dimeriahkan dengan parti tempatan dan juga parti bukan tempatan yang berasal dari Semenanjung Malaysia. Hubungan antara parti ini terletak di kawasan yang kelabu kerana sikap dan toleransi yang diberikan kepada satu sama lain dapat berubah pada bila-bila masa. Perubahan ini dapat dilihat jika dilema politik berlaku dan kepentingan kelangsungan politik menjadi taruhan.

Pilihan Raya Umum ke-11 (PRU-11) dan Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12)

Perkembangan politik Sabah diteruskan dengan evolusi politik yang berlaku pada awal tahun 2000-an. Pada waktu itu, dua PRU telah dijalankan, iaitu PRU-11 dan PRU-12. Ekoran daripada PRU tersebut, sebuah senario baharu telah wujud di Sabah yang melibatkan sokongan kuat terhadap Barisan Nasional (BN). Ikatan yang kuat antara pemimpin BN di Sabah dengan pemimpin yang berada di persekutuan memberikan peluang untuk menjalinkan kerjasama politik dengan lebih baik dan kestabilan yang diperlukan oleh kerajaan persekutuan untuk memerintah. PRU-11 pada tahun 2004 dan PRU ke-12 pada tahun 2008 dalam konteks Sabah merupakan antara kemuncak era kestabilan dalam politik Sabah, secara khususnya BN, melalui UMNO yang pada waktu itu merupakan parti dominan di Sabah setelah berjaya memenangi pilihan raya negeri dengan mudah. Hasil daripada pengukuhan UMNO di Sabah, negeri itu mempunyai ahli UMNO yang paling ramai di Malaysia. Walaupun pergolakan terjadi dengan perkembangan pembangkang di Semenanjung Malaysia pada sekitar tahun 2008, ia seakan-akan tidak mempunyai momentum yang kuat untuk menembusi Sabah. Malah, terdapat parti alternatif yang berunsurkan tempatan dan bukan tempatan yang juga menyumbang kepada kehangatan pilihan raya di Sabah, tetapi mereka tidak berjaya memberikan tentangan kepada BN dan UMNO di negeri ini.

Oleh yang demikian, semasa PRU ke-11 di Sabah, sebanyak 24 kerusi daripada 25 kerusi parlimen telah dimenangi oleh BN. Manakala, keputusan PRU ke-12 juga menyaksikan jumlah yang sama. Lantas, keadaan ini menggambarkan bahawa dominasi BN dan UMNO di Sabah ketika PRU-11 dan PRU-12 yang sukar diubah oleh parti-parti politik lain. Maka, sepanjang penglibatan BN dan UMNO di Sabah, terdapat kekuatan sokongan politik yang utuh daripada masyarakat Sabah dan kurangnya tentangan yang besar daripada parti-parti tempatan mahupun parti-parti bukan tempatan. Kekuatan ini telah menyebabkan Sabah digelar sebagai “simpanan tetap” bagi BN. Lebih-lebih lagi, sebarang perubahan politik di negeri lain tidak memberikan impak besar terhadap BN di Sabah pada

Pilihan Raya Umum Ke-15 di Sabah: Isu, Trend dan Cabaran

ketika itu dan ia telah diteruskan semasa PRU-13.¹³

Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13)

Senario politik di Sabah biasanya tidak dapat diramal dan berbeza dengan Semenanjung Malaysia. Ia dapat berubah pada bila-bila masa dan secara mengejut. Pemodenan dan perkembangan teknologi maklumat juga telah memberikan kesan kepada tingkah laku politik masyarakat di negeri tersebut.¹⁴ Malah, sejak Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) pada tahun 2013, kedudukan Sabah sebagai negeri “simpanan tetap” seolah-olah berubah menjadi dalang politik atau ‘*kingmaker*’. Walau bagaimanapun, perubahan ini mungkin tidak akan mempengaruhi landskap politik Malaysia dengan ketara. Tetapi, royalti minyak dan pendatang asing tanpa izin akan sentiasa menjadi isu-isu perbincangan.¹⁵ Apatah lagi, sosiobudaya dan agama di Sabah tidak sama dengan Semenanjung Malaysia. Keputusan PRU-13 menunjukkan bahawa terdapat tiga perkara yang perlu diberikan perhatian mengenai politik domestik negeri ini. Pertama, isu-isu dan sentimen tempatan. Kedua, politik Malaysia Timur semakin menjadi ‘*state-centric*’. Ketiga, pakatan parti-parti Kadazan Dusun Murut (KDM) dengan parti pemerintah.¹⁶

Di samping itu, walaupun slogan “Ini Kalilah” yang berasal dari Sabah menjadi popular ketika PRU-13 kerana semangat rakyat untuk mengubah kerajaan, namun kelemahan parti-parti pembangkang dan parti-parti tempatan telah mengakibatkan kekalahan mereka. Kekalahan ini adalah kerana mereka tidak bersatu dengan baik, terdapat percanggahan objektif, dan jurang antara Pakatan Rakyat (PR) dengan parti tempatan seperti Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Solidariti Tanah Airku (STAR). Tambahan pula, penanganan Barisan Nasional (BN) yang baik dalam krisis pencerobohan Lahad Datu telah membantu parti itu untuk tetap memperoleh sokongan pengundi semasa pilihan raya kali ini.¹⁷ BN juga mampu mengekalkan hegemoninya dengan memfokuskan agenda pembangunan sosioekonomi Sabah dalam kempen dan manifesto mereka. Strategi pujukan inilah yang menyebabkan mereka memenangi 22 kerusi Parlimen dan 48 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 25 kerusi Parlimen dan 60 kerusi DUN Sabah dalam PRU-13.¹⁸

Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14)

Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) merupakan pilihan raya yang ditunggu-tunggu. Pada waktu ini, nasib BN menjadi tanda tanya kerana kedudukannya yang terumbang-ambing. Lebih-lebih lagi dengan Skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Najib Razak yang menjadi liputan antarabangsa. Sebarang isu dan masalah di Semenanjung Malaysia juga akan mempunyai hubungan dan memberikan kesan terhadap tingkah laku pengundi di Sabah. Lebih-lebih lagi, terdapat sentimen anti-BN di negeri tersebut.¹⁹ Parti itu dilihat sebagai elitis dan akur kepada kerajaan pusat walaupun terdapat eksploitasi terhadap Sabah. Malah, PRU-14 ini menyaksikan BN mendapat sembilan kerusi Parlimen sahaja di Sabah. Insiden lompat parti oleh enam orang Ahli DUN (ADUN) pula memberikan peluang kepada Shafie Apdal untuk mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri, sekali gus menandakan kekalahan BN kepada Parti Warisan (WARISAN). Kekalahan BN ini juga mungkin akibat kegagalan pemerintah dalam menyelesaikan pelbagai isu. Antaranya adalah peningkatan kos sara hidup, tidak mendengar masalah penduduk setinggan, isu tanah, masalah rasuah, Skandal 1MDB dan kenaikan harga minyak. Malah, penggunaan teknologi maklumat yang semakin pesat juga membantu sosialisasi politik dan demokrasi maklumat di Sabah.²⁰

Justeru, faktor tempatan dan nasionalisme negeri juga menjadi penentu kepada keputusan PRU-14 di Sabah. Rakyat melihat WARISAN sebagai ejen perubahan kerana menyatukan tiga kumpulan utama di negeri tersebut, iaitu Muslim, Bumiputera bukan Muslim dan Cina. Penyatuan ini adalah untuk menggambarkan mesej tentang nasionalisme Sabah dan usaha untuk menyingkirkan

BN atau UMNO. Bahkan, gabungan WARISAN dengan Pakatan Harapan (PH) juga berjaya apabila mereka memenangi 14 kerusi Parlimen dan 29 kerusi DUN. Oleh sebab itu, isu nasionalisme negeri dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) akan terus menjadi isu politik di Sabah.²¹ Pada masa sama, kesedaran politik mengenai keadilan ekonomi dan pembangunan juga wujud. Namun, ia mungkin masih menjadi bayang-bayang terhadap sentimen primordial di negeri itu.²² Tambahan pula, pasca PRU-14, Sabah telah mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN) pada tahun 2020 kerana pembubaran DUN Sabah dan rampasan kuasa oleh Musa Aman. Tetapi, pilihan raya kilat tersebut menunjukkan bahawa status quo berbanding dengan undi untuk perubahan tampaknya masih dominan di negeri tersebut.²³

Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif kerana ia sesuai untuk mentafsirkan sesuatu isu, peristiwa, atau fenomena yang berkaitan termasuklah PRU-15 di Sabah. Selain itu, pendekatan kualitatif juga membantu penyelidik untuk menjana dan menganalisis secara empirik, serta merupakan proses berterusan yang membantu penyelidik agar lebih memahami sesuatu perkara.²⁴ Oleh yang demikian, terdapat dua teknik pengumpulan data bagi kajian ini. Teknik pertama, sumber sekunder, yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan menggunakan buku, artikel jurnal, akhbar, dan portal dalam talian. Teknik ini digunakan kerana penyelidik dapat meneroka dan meneliti maklumat-maklumat berkaitan terlebih dahulu sebelum melanjutkan ke teknik kedua.²⁵ Teknik kedua pula adalah daripada sumber primer, iaitu temu bual separa berstruktur. Temu bual ini membantu penyelidik untuk mendapatkan gambaran tentang pandangan dan pengalaman seseorang individu atau kumpulan masyarakat.²⁶ Justeru, soalan atau topik dalam temu bual ini adalah berdasarkan literatur dan kajian lepas yang telah dilaksanakan dalam teknik pertama. Seramai tujuh orang telah ditemu bual dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada ahli politik, pengundi muda dan orang awam. Identiti mereka dirahsiakan dalam kajian ini.

Sehubungan dengan itu, bagi penganalisan data, kajian ini mengaplikasikan analisis kandungan. Teknik tersebut sesuai dengan pendekatan kualitatif kajian ini kerana ia bersifat untuk membuat kesimpulan daripada data kepada konteksnya dan memberikan pengetahuan yang berhubung kait dengan tujuan kajian.²⁷ Langkah-langkah utama dalam analisis kandungan ini adalah mengenal pasti dan menyusun data, melaksanakan pengekodan, menyemak kesahan dan kebolehpercayaan, serta menganalisis hasil dan memberikan kesimpulan.²⁸

Isu, Trend dan Cabaran

Politik Sabah dibentuk oleh serangkaian isu, trend dan cabaran yang kompleks. Kebanyakannya juga saling berkaitan. Apatah lagi, Sabah mengalami ketidakstabilan politik dalam beberapa tahun terakhir, dengan perubahan yang kerap dalam kerajaan dan pembelotan Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri. Ketidakstabilan ini mungkin mengakibatkan kurangnya kesinambungan dalam dasar-dasar dan program-program kerajaan negeri, serta mengikis kepercayaan rakyat terhadap sistem politik dan pilihan raya. Justeru, antara tujuh aspek utama yang merangkumi isu, trend dan cabaran dalam politik Sabah adalah hubungan kerajaan pusat-negeri, sentimen primordial, faktor calon, pengundi muda, faktor pengundi bandar, faktor perpecahan gabungan parti politik, dan faktor situasi menang-menang gabungan parti politik.

Hubungan Kerajaan Pusat-Negeri

Berdasarkan sistem federalisme di Malaysia, Sabah memiliki autonomi dalam bidang-bidang tertentu. Namun, pada akhirnya, kerajaan pusat yang memegang kuasa dan autoriti secara signifikan. Ekoran daripada itu, hubungan antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri di Sabah adalah rumit dan kadangkala terjadi perselisihan. Tambahan pula, ia mempengaruhi keadaan sosioekonomi dan pembangunan di negeri tersebut. Isu-isu yang selalu dibangkitkan sejak dari dahulu dan berterusan sehingga sekarang adalah mengenai kemunduran, dominasi kerajaan pusat terhadap kerajaan negeri, royalti minyak, tuntutan 20 Perkara dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).²⁹ Tanggapan bahawa kekalahan Barisan Nasional (BN) ketika PRU-14 akan memberikan harapan untuk hubungan kerajaan pusat-negeri yang lebih baik dan kemunculan ‘Sabah baharu’ juga masih tidak dapat direalisasikan.³⁰ Parti-parti politik kerap menggunakan isu ini untuk menawan hati pengundi di Sabah. Misalnya, Pakatan Harapan (PH) menekankan federalisme khususnya tentang konteks Sabah dan Sarawak dalam manifesto PRU-14 mereka. Salah satu janji daripada sembilan janji mengenai Sabah dan Sarawak yang ditawarkan oleh PH adalah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak dan melaksanakan MA63. Mereka berjaya memenangi PRU-14. Walau bagaimanapun, PH tersungkur pada tahun 2020 dan mereka hanya sempat menyelesaikan 17 daripada 21 isu-isu yang dikenal pasti oleh jawatankuasa tersebut.³¹ Pada waktu itu, kerajaan negeri diperintah oleh WARISAN yang bekerjasama dengan PH. Namun, mereka juga jatuh dan pengaruhnya semakin merosot ketika Pilihan Raya Negeri ke-16 (PRN-16).³²

Bahkan, Perdana Menteri kelapan, Mahiaddin Yasin, yang mengetuai kerajaan Perikatan Nasional (PN) setelah kejatuhan PH, juga mengumumkan penukaran panggilan Sabah dan Sarawak daripada ‘negeri’ menjadi ‘wilayah’. Tindakan tersebut dilihat sekadar untuk menjernihkan hubungan kerajaan pusat-negeri dan mendapatkan sokongan penduduk Sabah dan Sarawak menjelang pilihan raya. Lebih-lebih lagi, pemimpin dan masyarakat Sabah dan Sarawak sering bersuara mengenai tuntutan untuk mengembalikan kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu atau ‘*equal partners*’ pada tahun-tahun kebelakangan. Tetapi, panggilan baharu tersebut tidak mempunyai implikasi jelas.³³ Malah, semasa PRU-15, pelbagai parti politik mengeksploitasi isu ini untuk meraih undi. Mereka menggunakan strategi ini kerana terdapat kebimbangan bahawa Sabah (dan Sarawak) bukan lagi “simpanan tetap”, sebaliknya ada potensi menjadi ‘*kingmaker*’ yang akan menentukan dan membentuk kerajaan pusat.³⁴ Jadual di bawah menunjukkan manifesto gabungan parti politik utama yang berkaitan dengan Sabah (dan Sarawak) ketika PRU-15.

Jadual 1.1: Manifesto PRU-15 Gabungan Parti Politik mengenai Sabah dan Sarawak

Gabungan Parti Politik	Intipati Manifesto
Pakatan Harapan (PH) – Manifesto HARAPAN	<ul style="list-style-type: none"> • Membela nasib Orang Asal • Merapatkan jurang pembangunan wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung • Memperkasa wilayah Sabah & Sarawak menerusi pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 • Desentralisasi kuasa kepada wilayah Sabah & Sarawak • Menyelesaikan pelbagai isu kebanjiran warga asing di Sabah • Mencipta peluang pekerjaan dan menarik pelaburan di Sabah & Sarawak

Barisan Nasional (BN) – Manifesto Perancangan Amal dan Usaha (PADU)	<ul style="list-style-type: none">• Wilayah Sabah dan Sarawak sebagai hab keselamatan negara yang baharu• Wilayah Sabah dan Sarawak sebagai gergasi ekonomi negara yang baharu
Perikatan Nasional (PN) – Manifesto Bersih dan Stabil (BEST)	<ul style="list-style-type: none">• Menubuhkan Majlis Khas mengenai Perjanjian Malaysia 1963• Mewujudkan portfolio hal ehwal Sabah dan Sarawak dalam kabinet• Menyelaraskan urusan minyak dan gas antara Petronas dengan kerajaan wilayah Sabah dan Sarawak• Penubuhan universiti awam baharu di Sabah dan Sarawak• Memberi keutamaan kepada anak Sabah dan Sarawak dalam memegang jawatan utama dalam perkhidmatan awam persekutuan di Sabah dan Sarawak• Mempercepatkan pembinaan jaringan jalan raya, bekalan air dan elektrik serta telekomunikasi di Sabah dan Sarawak• Memperkasa Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) bagi meningkatkan tahap keselamatan rakyat• Mengutamakan pengagihan peruntukan pembangunan kepada Sabah dan Sarawak bagi mempercepatkan pembangunan sosioekonomi setempat• Merancakkan pembangunan zon ekonomi baharu di sempadan Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan bagi memastikan penduduk kedua-dua wilayah tersebut mendapat kesan limpahan manfaat daripada ibu negara baharu Indonesia

Sumber: Manifesto HARAPAN (2022), Manifesto PADU (2022), dan Manifesto BEST (2022).

Walau bagaimanapun, sebahagian parti politik tempatan dan elit politik di Sabah curiga dengan pelaksanaan manifesto tersebut. Slogan ‘Sabah untuk Sabahan’ kembali dilaungkan oleh mereka sebagai protes terhadap kerajaan pusat yang dianggap menguasai negeri tersebut. Mereka berpendapat bahawa Sabah harus diuruskan sepenuhnya oleh rakyat Sabah untuk mengelakkan kekayaan hasil bumi negeri itu diambil oleh kerajaan pusat. Slogan itu cenderung berbaur sentimen antifederal atau anti-Semenanjung. Antara parti yang menekankan slogan tersebut adalah Gabungan Sabah (Parti Maju Sabah – SAPP, Parti Solidariti Tanah Airku – STAR, Parti Cinta Sabah – PCS) dan WARISAN. Bahkan, sentimen Dayak sebagai alat untuk menggesa Sabah dan Sarawak ‘keluar dari Malaysia’ dan menyatukan Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan untuk membentuk Negara Dayak dimainkan oleh sesetengah pihak.³⁵ Puncanya adalah kerana kekecewaan bahawa Sabah masih ketinggalan berbanding dengan Semenanjung Malaysia dan juga merupakan kad politik bagi elit politik di Sabah untuk kepentingan sendiri. Keadaan ini menggambarkan ketegangan hubungan kerajaan pusat-negeri dalam landskap politik di negara ini. Malah, ketika PRU-15, idea Blok Borneo timbul. Blok Borneo merupakan kesepakatan antara Kerajaan Sabah dengan Kerajaan Sarawak untuk melindungi kepentingan kedua-dua negeri dan menyokong kerajaan pusat yang memberikan manfaat kepada mereka.³⁶ Tetapi, idea ini sebenarnya sudah dibahaskan sebelum PRU-15 lagi dan ramai pihak masing-masing merebut dan mendakwa bahawa mereka memperjuangkan blok itu. Contohnya,

Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang menyatakan bahawa mereka 100 peratus tempatan dan bersedia untuk bergabung dengan Gabungan Parti Sarawak (GPS), dan WARISAN yang menyebut bahawa mereka telah mencapai persefahaman dengan GPS.³⁷ Namun, keputusan PRU-15 menunjukkan bahawa kedudukan GRS (enam kerusi) dan WARISAN (tiga kerusi) tidak stabil, dan situasi ini memberikan bayangan bahawa sentimen kenegerian atau Borneo bukan faktor utama bagi tarikan undi. Sebaliknya, terdapat isu-isu lain yang lebih mustahak seperti kejelasan dasar ekonomi. Lebih-lebih lagi dengan impak COVID-19 yang telah menjejaskan ekonomi dan meningkatkan insiden kemiskinan mutlak kepada 25.3 peratus di negeri itu.³⁸

Sentimen Primordial

Sentimen primordial rakyat di Sabah juga memainkan peranan penting dalam politik dan pilihan raya. Lebih-lebih lagi, negeri ini mempunyai pelbagai kumpulan etnik, budaya dan agama. Elit politik pula sering menggunakan sentimen primordial untuk mendapatkan sokongan daripada pengundi. Bahkan, strategi ini tampaknya berjaya sejak pilihan raya yang pertama di Sabah, iaitu semasa Pilihan Raya Majlis Daerah dan Pilihan Raya Majlis Bandaran pada awal tahun 1960-an. Lanjutan daripada itu, sokongan terhadap parti-parti politik adalah cenderung berdasarkan agama, kaum dan geografi. Misalnya, masyarakat bumiputera Muslim mengundi untuk parti politik yang majoriti ahlinya beragama Islam, masyarakat Kadazan Dusun Murut (KDM) mengundi parti KDM, dan masyarakat Cina menyokong parti yang kebanyakannya daripada kaum Cina dan urban. Namun, persoalan sosioekonomi seolah-olah mengatasi sentimen primordial di Sabah ketika awal PRU-14.³⁹ Walau bagaimanapun, isu-isu tertentu masih bergantung pada demografi penduduk. WARISAN menekankan isu kos sara hidup semasa berkempen di kawasan majoriti pengundi bumiputera Muslim. Isu tadbir urus baik pula mendapat perhatian di bandar yang didominasi oleh kaum Cina seperti Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Manakala, di kawasan luar bandar yang kebanyakan penduduknya adalah kaum KDM, fokus utama mereka adalah isu hak rakyat Sabah, MA63 dan Borneonisasi.⁴⁰

Bahkan, ketika PRN-16 yang dilaksanakan berikutan krisis politik di negeri itu, WARISAN Plus masih sukar untuk memperoleh sokongan pengundi KDM. Apatah lagi, GRS memainkan sentimen primordial dan membangkitkan isu identiti dan 'pendatang asing tanpa izin' (PATI). Dalam PRN tersebut, GRS (PN, BN dan PBS) memenangi 38 kerusi, WARISAN Plus (WARISAN, DAP, UPKO, PKR) 32 kerusi, dan BEBAS tiga kerusi. PN, BN dan Parti Bersatu Sabah (PBS) berjaya memenangi hampir semua kerusi Dewan Undang Negeri (DUN) yang diduduki oleh masyarakat KDM. Antaranya adalah seperti Tambunan, Bingkor, Sook, Kiulu.⁴¹ Di samping itu, STAR juga telah memenangi enam kerusi. Kemenangan ini adalah kerana parti tersebut sering menekankan isu-isu KDM, hak Sabah, MA63 dan kedudukan Jeffrey Kitingan sebagai '*Huguan Siou Lundu Mirongod*' (Pemikir Agung) yang menarik undi daripada masyarakat KDM. Malah, mereka mendakwa bahawa WARISAN merupakan parti politik yang bersimpati dengan PATI.⁴² Walau bagaimanapun, sentimen primordial di Sabah pasca-PRU-14 dan PRN-16 mungkin sebahagian daripadanya memberikan pengaruh semasa PRU-15, sebahagiannya lagi tidak.

Jadual 1.2: Kerusi Kawasan Parlimen PRU-15 yang Dimenangi oleh Gabungan Parti

No.	Kerusi Kawasan Parlimen	Gabungan Parti
1.	P.167 Kudat	BEBAS
2.	P.168 Kota Marudu	KDM
3.	P.169 Kota Belud	WARISAN
4.	P.170 Tuaran	HARAPAN
5.	P.171 Sepanggar	HARAPAN
6.	P.172 Kota Kinabalu	HARAPAN

7.	P.173 Putatan	BN
8.	P.174 Penampang	HARAPAN
9.	P.175 Papar	GRS
10.	P.176 Kimanis	BN
11.	P.177 Beaufort	BN
12.	P.178 Sipitang	GRS
13.	P.179 Ranau	GRS
14.	P.180 Keningau	GRS
15.	P.181 Tenom	BEBAS
16.	P.182 Pensiangan	BN
17.	P.183 Beluran	PN
18.	P.184 Libaran	BN
19.	P.185 Batu Sapi	GRS
20.	P.186 Sandakan	HARAPAN
21.	P.187 Kinabatangan	BN
22.	P.188 Lahad Datu	WARISAN
23.	P.189 Semporna	WARISAN
24.	P.190 Tawau	GRS
25.	P.191 Kalabakan	BN

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2022).

Isu-isu berkaitan dengan kaum agak hangat dimainkan semasa PRU-15 di Sabah. Apatah lagi dengan kepesatan media sosial apabila sesiapa sahaja dapat berkongsi sebarang hantaran dengan mudah. Di samping itu, vandalisme dan contengan berunsurkan perkauman dan kebencian pada sepanduk-sepanduk kempen yang digantung di beberapa tempat juga berlaku. Tetapi, keputusan pilihan raya menggambarkan bahawa sentimen primordial yang sinonim dengan parti-parti politik tertentu tidak semestinya menjadi penentu kepada undi rakyat Sabah. Bahkan, jadual di atas menunjukkan bahawa tanggapan tipikal tentang pantai timur Sabah didominasi oleh WARISAN, sementara pantai barat Sabah didominasi oleh GRS atau BN, tidak sepenuhnya benar. Hal ini kerana, di pantai timur Sabah, WARISAN cuma memperoleh dua kerusi, sementara GRS dan BN pula memenangi beberapa kerusi seperti Tawau dan Kalabakan. Malah, P.174 Penampang yang majoritinya merupakan masyarakat KDM juga telah mengundi HARAPAN sedangkan parti tersebut bukanlah parti tempatan. Parti-parti tempatan yang dekat dengan KDM seperti PBS, STAR, parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM), dan UPKO juga masing-masing sekadar mendapat satu dua kerusi. Sebahagian mereka juga bersekutu dalam satu gabungan parti seperti GRS atau PH. Pada masa sama, dua calon BEBAS memperoleh kerusi. Sehubungan dengan itu, parti sebagai faktor tunggal seakan-akan tidak relevan. Terdapat pengundi yang mungkin mengundi atas pertimbangan faktor calon.

Faktor Calon

Biasanya, terdapat lima elemen dalam faktor calon yang dapat mempengaruhi undian pilihan raya. Antaranya adalah afiliasi parti politik, pemimpin penjawat kini, perwatakan peribadi, strategi kempen dan isu kempen. Di Sabah, parti politik berpengaruh dalam membentuk isu politik dan sosial, dan pengundi sering memilih calon berdasarkan afiliasi parti mereka. Pemimpin penjawat kini atau '*incumbent leader*' juga adalah satu elemen penting, khususnya di negeri ini yang mempunyai ramai elit politik yang sudah lama berkhidmat dalam satu-satu jawatan atau kawasan. Mereka mungkin ada kelebihan kerana pengundi mengenali mereka dan dapat melakukan penilaian berdasarkan rekod prestasi mereka sebelum ini. Di samping itu, calon yang berkarisma dan memiliki kemahiran berbicara cenderung disukai oleh pengundi. Lebih-lebih lagi jika calon menggunakan strategi kempen yang berkesan dan dapat mendekati pengundi. Akhir sekali, kemungkinan besar pengundi akan menyokong

calon yang mempunyai pendirian jelas dan solusi mengenai isu-isu yang penting kepada pengundi.

Apatah lagi, pertembungan banyak penjujur daripada pelbagai parti politik cenderung mengelirukan pengundi. Maka, pengundi akan melihat faktor calon terlebih dahulu sebelum membuang undi. Survei awal ILHAM Centre sebelum PRN-16 mendapati bahawa responden ada mempertimbangkan sumbangan dan personaliti calon yang bertanding. Tambahan pula, situasi pandemik COVID-19 menjadi kayu ukur, sama ada calon tersebut melakukan gerak kerja atau tidak, atau hanya muncul semasa musim pilihan raya. Pengundi muda juga lebih melihat faktor calon berbanding dengan faktor parti.⁴³ Namun begitu, pilihan raya parlimen dan pilihan raya negeri ditanggapi secara berbeza di Sabah. Kehangatan lebih dirasakan sekiranya ada pilihan raya negeri. Berdasarkan pemerhatian penulis, sambutan rakyat Sabah adalah lebih menggalakkan semasa PRN-16 walaupun COVID-19 masih berleluasa pada ketika itu berbanding dengan PRU-15. PRU-15 tidak ada pilihan raya negeri kerana Kerajaan Negeri Sabah tidak membubarkan DUN dan hendak melengkapkan tempoh lima tahun mentadbir negeri tersebut. Jadi, angin pilihan raya seolah-olah hilang semasa PRU-15. Apatah lagi, kebanyakan calon yang bertanding semasa PRU-15 merupakan muka lama. Padahal, pengundi muda lebih menggemari calon yang mudah didekati.⁴⁴ Pada masa sama, kemenangan Riduan Rubin, calon BEBAS di Parlimen Tenom, adalah sudah dijangka. Beliau juga mendapat sokongan daripada Peter Anthony, Presiden KDM dan penyokong-penyokongnya setelah Peter Anthony tidak dapat mencalonkan dirinya dan menimbulkan kekecohan semasa hari penamaan calon.⁴⁵ Situasi ini menggambarkan bahawa pengundi-pengundi di satu-satu tempat akan melihat calon terlebih dahulu. Afiliasi parti mungkin menjadi persoalan kedua. Lebih-lebih lagi, Riduan Rubin adalah calon yang muda dan segar, dan ia dapat menjadi nilai tambahan bagi beliau untuk menarik undi.⁴⁶

Jadual 1.3 : Senarai Calon yang Menang Kerusi Parlimen dalam PRU-14 dan PRU-15

No.	Kerusi Parlimen	PRU-14	PRU-15
1.	P.167 Kudat	Abdul Rahim Bakri - BN	Verdon Bahanda - BEBAS
2.	P.168 Kota Marudu	Maximus Johnity Ongkili - BN	Wetrom Bahanda – KDM
3.	P.169 Kota Belud	Munirah Majilis - WARISAN	Munirah Majilis - WARISAN
4.	P.170 Tuaran	Wilfred Madius Tangau – BN	Wilfred Madius Tangau - HARAPAN
5.	P.171 Sepanggar	Mohd Azis Jamman - WARISAN	Mustapha Sakmud - HARAPAN
6.	P.172 Kota Kinabalu	Chan Foong Hin - DAP	Chan Foong Hin – HARAPAN
7.	P.173 Putatan	Awang Husaini bin Sahari - PKR	Shahelmey Yahya - BN
8.	P.174 Penampang	Darell Leiking – WARISAN	Ewon Benedick - HARAPAN
9.	P.175 Papar	Ahmad bin Hassan – WARISAN	Armizan bin Mohd Ali - GRS
10.	P.176 Kimanis	Anifah Aman – BN	Mohamad bin Alamin – BN
11.	P.177 Beaufort	Azizah binti Mohd Dun - BN	Siti Aminah Aching – BN
12.	P.178 Sipitang	Hafez Musa – BN	Matbali bin Musah - GRS
13.	P.179 Ranau	Jonathan bin Yassin – PKR	Jonathan bin Yassin – GRS
14.	P.180 Keningau	Jeffrey Kitingan - STAR	Jeffrey Kitingan – GRS
15.	P.181 Tenom	Noorita Sual – DAP	Riduan Rubin - BEBAS
16.	P.182 Pensiangan	Arthur Joseph Kurup - BN	Arthur Joseph Kurup - BN
17.	P.183 Beluran	Ronald Kiandee - BN	Ronald Kiandee – PN
18.	P.184 Libaran	Zakaria bin Mohd. Edris - BN	Suhaimi bin Nasir - BN
19.	P.185 Batu Sapi	Liew Vui Keong - WARISAN	Khairul Firdaus Akbar - GRS

20.	P.186 Sandakan	Stephen Wong Tien Fatt - DAP	Vivian Wong – HARAPAN
21.	P.187 Kinabatangan	Bung Moktar Radin - BN	Bung Moktar Radin – BN
22.	P.188 Silam	Mohamaddin Ketapi - WARISAN	
	P.188 Lahad Datu	-	Mohammad Yusof Apdal - WARISAN
23.	P.189 Semporna	Mohd. Shafie Apdal – WARISAN	Mohd. Shafie Apdal – WARISAN
24.	P.190 Tawau	Christina Liew - PKR	Lo Su Fui - GRS
25.	P.191 Kalabakan	Ma'mun Sulaiman - WARISAN	Andi Muhammad Suryady - BN

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2021), (2022).

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat empat orang calon yang bertanding sekali lagi semasa PRU-15 dan masih memperoleh kerusi parlimen meskipun telah menukar parti politik atau bersekutu dengan gabungan parti politik yang baharu. Antaranya ialah Wilfred Madius Tangau, Jonathan bin Yassin, Jeffrey Kitingan dan Ronald Kiandee. Manakala, lima calon yang kekal afiliasi partinya dan menang dalam dua PRU tersebut ialah Munirah Majilis, Chan Foong Hin, Arthur Joseph Kurup, Bung Moktar Radin dan Mohd. Shafie Apdal. Sabah memang terkenal dengan landskap politik yang rumit dan kesetiaan parti yang longgar. Oleh sebab itu, elit politik yang menukar gabungan parti atau lompat parti dalam sekelip mata, sudah menjadi satu perkara biasa. Bahkan, pasca PRU-14, PRN-16 dan PRU-15, masih ada lagi elit politik yang menukar parti, selalunya sebagai tindak balas terhadap peralihan pakatan politik atau untuk meneruskan cita-cita dan kepentingan politik mereka sendiri. Jadi, pengundi-pengundi mungkin mengundi mereka kerana faktor calon. Selain itu, walaupun sebahagian besar calon yang menang dalam PRU-15 merupakan calon-calon baharu, tetapi mereka sebenarnya merupakan 'orang lama' dalam politik dan memiliki jawatan sebelum ini. Malah, dari segi usia, dapat dikatakan bahawa sebahagian daripada mereka juga adalah calon tua. Sementara itu, dari segi gender pula, cuma tiga orang ahli parlimen perempuan daripada 25 orang ahli parlimen yang berjaya dalam PRU-15 ini. Kurangnya penyertaan calon perempuan dalam pilihan raya atau pengundi lebih menggemari pemimpin lelaki mungkin menjadi faktor mengapa lelaki mendominasi dalam pilihan raya dan politik. Oleh yang demikian, keadaan ini menggambarkan tiga perkara; pengundi mempunyai pilihan yang terhad, pengundi mengundi berdasarkan pertimbangan pengalaman dan 'seniority' calon, serta undian yang dilakukan mungkin tidak mencerminkan suara sebenar seluruh rakyat Sabah.

Pengundi Muda

Antara perkara yang menjadi tumpuan semasa PRU-15 di Malaysia adalah pengundi muda. Umur 18-20 tahun yang sebelum ini tidak dibenarkan mengundi, kini telah mengorak langkah sulung dalam melengkapi demografi pengundi di Malaysia. Sabah juga tidak ketinggalan dalam ledakan jumlah pengundi muda dalam PRU-15. Jumlah pengundi yang layak mengundi di negeri ini pada PRU-15 adalah 1.66 juta orang dan daripada jumlah itu seramai 131,458 orang adalah mereka yang berumur 18-20 tahun. Jika julat umur muda tersebut diperluaskan kepada julat umur 18-39 tahun, ia kemudiannya akan bertambah dan merangkumi 55.2 peratus daripada jumlah pengundi di negeri ini pada PRU-15.⁴⁷ Dalam lensa Sabah, pengundi muda juga memainkan peranan besar semasa PRU-15. Hasil daripada temu bual dan pemerhatian penulis di beberapa pusat undi, kebanyakan pengundi yang turun pada sebelah petang ketika hari pengundian adalah pengundi muda. Pengundi muda berkenaan memberikan faktor bekerja sebagai punca mengapa mereka memilih untuk mengundi pada sebelah petang. Di samping itu, mereka kelihatan lebih santai dan memilih masa yang lebih lengang

berbanding dengan pengundi-pengundi lain yang turun seawal mungkin untuk mengundi.

Pengundi-pengundi muda yang telah mengundi berpendapat bahawa ia merupakan tanggungjawab mereka untuk mengembalikan kestabilan politik di Malaysia. Mereka juga tampaknya cakna mengenai perkembangan politik semasa dan penglibatan mereka dalam sistem demokrasi negara. Justeru, PRU merupakan satu wadah bagi mereka untuk menyuarakan kehendak mereka. Selain itu, faktor dorongan daripada keluarga juga memainkan peranan dalam menggalakkan pengundi muda untuk mengundi. Namun, kebanyakan pengundi muda yang ditemu bual menyatakan bahawa kesedaran mereka untuk mengundi datang daripada diri mereka sendiri. Manakala, pengundi muda yang merupakan mahasiswa institut pengajian tempatan dilihat mempunyai kelebihan untuk memperoleh kesedaran dari kampus mereka serta persekitaran yang lebih peduli tentang tanggungjawab pengundi. Faktor kemudahan media sosial dan Internet juga banyak membantu dalam memberikan dan menyebarkan maklumat alternatif dan baharu kepada pengundi muda di Sabah. Tambahan pula, mereka digelar sebagai '*digital native*' dan peperangan media pada PRU-15 banyak melibatkan media alternatif sebagai platform kempen politik mereka.

Di samping itu, isu popular bagi pengundi muda di Sabah merupakan isu yang berkaitan dengan ekonomi, khususnya peluang pekerjaan, kos sara hidup dan harga barang mampu milik. Peningkatan harga barang dan kos sara hidup merupakan kebimbangan utama pengundi muda tersebut dalam menentukan parti yang akan diundi oleh mereka. Mereka berharap supaya mana-mana parti yang memerintah akan mengutamakan isu ekonomi dalam dasar-dasar dan penyelesaian mereka terhadap keluhan rakyat. Maka, pengundi muda tersebut berharap agar kestabilan politik melalui PRU dapat menjamin ekonomi yang lebih mampan dan memihak kepada golongan yang memerlukan. Bahkan, pengundi muda lebih memilih parti atau calon yang tidak terpalit dengan rasuah. Faktor bersih dan bebas daripada rasuah merupakan antara trend yang juga menjadi laungan rakyat pada peringkat nasional supaya dapat membentuk kerajaan yang lebih baik. Perkara ini dapat dilihat melalui imej BN yang tercalar akibat isu rasuah dengan kekalahan teruk mereka pada PRU-15 berbanding dengan beberapa PRU yang lepas, hasil penolakan pelbagai lapisan pengundi yang lebih memilih parti alternatif. Selain itu, isu pembangunan di Sabah juga menyumbang kepada pemilihan parti dalam pilihan raya. Keadaan jalan raya yang teruk serta pembangunan yang kurang memuaskan di negeri ini menjadi isu yang menarik pengundi muda untuk memilih parti yang dapat membangunkan Sabah dengan lebih baik.

Para pengundi muda juga tidak mempunyai stigma untuk memberikan kesetiaan kepada mana-mana parti politik. Apatah lagi, pada ketika ini, setiap parti politik ada peluang untuk memenangi pilihan raya. Situasi ini berbeza dengan generasi sebelumnya apabila BN merupakan parti utama di negara ini dan kesetiaan rakyat terhadap parti tersebut tidak dapat tergugat. Oleh sebab itu, pemilihan parti atau calon yang segar dalam politik juga merupakan antara keinginan pengundi muda kerana mereka ingin keluar daripada status quo yang sedia ada dan mengharapkan perubahan positif hasil daripada undian mereka. Pengundi muda lebih memilih parti yang bukan merupakan komponen BN dan lebih memihak kepada parti baharu seperti GRS, PH dan WARISAN. Pemilihan ini kerana sesetengah mereka berpendapat bahawa BN sudah lapuk dan mereka menginginkan sebuah perubahan.⁴⁸ Semua pengundi muda yang kini berumur dalam lingkungan 18-20 tahun telah dilahirkan pada sekitar tahun 2002 sehingga 2004 di Sabah. Terdapat juga golongan milenium atau Generasi Y (Gen Y) yang lahir pada tahun 1980-an dan awal 1990-an. Mereka telah membesar dengan kerajaan BN sebagai pemerintah di Sabah. Justeru, mereka juga ingin kelainan dari segi kepimpinan pada peringkat pusat dan negeri. Perkara ini dapat dilihat apabila BN hanya memenangi tujuh daripada 11 kerusi yang ditandingi oleh mereka pada PRU-15. Jumlah kerusi yang dimenangi ini adalah jauh sekali jika dibandingkan dengan zaman kegemilangan parti tersebut pada tahun 2004 dan 2008.

Faktor Pengundi Bandar

Walaupun Sabah tidak terkenal dengan kepesatan bandar sebagaimana di Semenanjung Malaysia, namun pola pengundi bandar masih wujud di negeri ini. Umumnya, majoriti penduduk bandar adalah melibatkan populasi tinggi, kekuatan ekonomi serta kewujudan infrastruktur yang lebih maju sekiranya dibandingkan dengan luar bandar. Berdasarkan keputusan PRU-15, pengundi bandar di Sabah cenderung memihak PH dan kesannya parti tersebut memenangi kerusi-kerusi parlimen di bahagian bandar dengan mudah, kecuali Tawau. Manakala, di kawasan bandar di mana mereka telah kalah, parti itu tewas dengan perbezaan undi yang hampir. Kebanyakan pengundi bandar di Sabah terdiri daripada kaum Cina dan demografi ini merupakan salah satu faktor yang juga dilihat di kawasan-kawasan lain di Malaysia.⁴⁹ Keadaan ini menunjukkan bahawa kaum Cina di Sabah lebih cenderung untuk menyokong PH dengan parti komponen DAP. Kestabilan sokongan kaum Cina kepada PH-DAP di Sabah dijangka akan terus kukuh dalam PRU yang seterusnya kerana wujudnya persepsi bahawa PH atau DAP dapat memberikan imbalan politik yang lebih baik kepada kaum Cina yang juga berkaitan dengan isu primordial sepertimana telah dilihat pada PRU sebelumnya di Sabah.⁵⁰ Di samping itu, antara parlimen bandar di Sabah adalah Parlimen Penampang. Parlimen Penampang mempunyai demografi pengundi yang terdiri daripada kaum Kadazan Dusun dan Cina, serta memiliki populasi bumiputera Muslim yang kecil. Pola perubahan sokongan politik di kawasan parlimen tersebut jelas menunjukkan pilihan pengundi bandar dan PH. Melalui PRU-15, pengundi bandar di Penampang telah berganjak daripada memilih WARISAN ke PH. Sehubungan dengan itu, sokongan pengundi bandar di Sabah jelas menunjukkan prestasi dan potensi yang lebih baik kepada PH untuk memenangi kerusi di bahagian bandar.

Faktor Perpecahan Gabungan Parti Politik

Keputusan WARISAN untuk tidak bekerjasama dengan PH pada PRU-15 telah memecahkan undi anti-BN dan UMNO di Sabah.⁵¹ Pada PRU-14, kerjasama WARISAN dan PH merupakan formula berkesan kerana kurangnya perpecahan undi dan pengundi tidak berbelah bagi untuk mengundi parti dan gabungan yang sesuai. Keadaan tersebut memudahkan pengundi untuk mengenal pasti parti yang dapat mengalahkan BN-UMNO pada masa itu. Lanjutan daripada itu, kemenangan yang dicapai oleh WARISAN-PH tersebut semasa PRU-14 di Sabah menunjukkan bagaimana mereka berjaya memenangi kawasan yang tidak memiliki banyak pertembungan dan memudahkan pengundi untuk membuat keputusan ketika membuang undi. Walau bagaimanapun, perselisihan faham antara WARISAN dengan PH akhirnya telah mewujudkan pertembungan yang kuat dalam perebutan kuasa dan undian pada PRU-15. Perselisihan faham ini berpunca daripada pandangan berbeza antara parti tersebut dan pergolakan politik yang terjadi sepanjang tahun 2020-2022. Sedangkan, sebelum ini mereka dapat bersatu kerana mempunyai musuh yang sama.⁵² Oleh yang demikian, perpecahan WARISAN dan PH di Sabah telah menyebabkan rakyat negeri itu yang menolak BN juga terpecah kepada dua. Mereka terpaksa memilih antara dua parti tersebut. Malah, ketidakjelasan potensi parti politik yang terbaik dalam memimpin pentadbiran politik pada peringkat negeri dan nasional telah menyebabkan pengundi tidak mempunyai barometer yang lengkap dalam membuat keputusan semasa pilihan raya. Perpecahan ini jelas terlihat dalam jumlah undi yang diterima oleh calon WARISAN dan PH di Sabah. Lantaran itu, perpecahan ini memberikan peluang kepada GRS-PN dan UMNO untuk memenangi kawasan-kawasan tertentu. Jadual berikut merupakan analisis PRU-15 di Sabah yang memperlihatkan kekalahan tipis WARISAN dan PH apabila kedua-dua parti itu berpecah.

Jadual 1.4: Analisis Perpecahan Undi antara WARISAN dengan PH pada PRU-15

No.	Kawasan Parlimen	Undian Parti Menang	Undian WARISAN	Undian PH	Undian WARISAN dan PH jika Bergabung
1.	P.173 Putatan	BN 16,234	5,728	16,110	21,838
2.	P.176 Kimanis	BN 13,004	9,967	3,931	13,898
3.	P.178 Sipitang	GRS 14,459	9,768	4,834	14,602
4.	P.185 Batu Sapi	GRS 12,152	7,218	7,331	14,549
5.	P.190 Tawau	GRS 19,865	11,263	16,065	27,328
6.	P.191 Kalabakan	BN 23,855	14,755	9,398	24,153

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2022).

Oleh sebab itu, kawasan-kawasan yang dimenangi oleh WARISAN dan PH hasil daripada kerjasama pada PRU-14 kini telah jatuh kepada pihak lawan, yang kini menggunakan teknik menang-menang mereka pada PRU sebelumnya. Kehilangan enam kerusi parlimen antara WARISAN dengan PH merupakan lompong yang cukup besar dalam penguasaan mereka dalam arena politik di Sabah. Perpecahan antara mereka jelas membuatkan kedua-dua parti yang bergerak secara berasingan kini terpaksa menggunakan jentera yang lebih banyak serta penggunaan kos yang lebih tinggi untuk menentang antara satu sama lain ketika pilihan raya. Perpecahan ini menyebabkan pergerakan mereka tidak mempunyai fokus yang sama seperti PRU-14 dan menyukarkan pengundi untuk menyalurkan sentimen anti-BN kepada satu-satu parti. Walau bagaimanapun, undi popular secara tipis telah dimenangi oleh WARISAN Plus ketika PRN-16 Sabah pada tahun 2020. Maka, sekiranya keputusan ini dijadikan sebagai satu indikator, rakyat Sabah kini melihat WARISAN dan PH sebagai parti politik alternatif untuk menentang BN dan GRS dalam arena politik Sabah. Tetapi, ia juga bergantung kepada perubahan hubungan politik antara parti seperti kerjasama WARISAN dan UMNO di Sabah dalam usaha mereka yang gagal untuk menggulingkan kerajaan GRS pada awal tahun 2023 atau yang dikenali sebagai ‘Langkah Kinabalu’.

Faktor Situasi Menang-Menang Gabungan Parti Politik

Keadaan sebelum PRU-15 menunjukkan bahawa BN dan GRS-PN merupakan antara parti yang dapat membentuk kerajaan pada peringkat persekutuan. Namun, di Semenanjung Malaysia, UMNO dan PN bertembung dalam PRU-15, tetapi tidak di Sabah kecuali di Parlimen Beluran.⁵³ Situasi politik di Sabah pada ketika itu kelihatan agak aneh jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia, dengan perang politik antara BN-UMNO dengan PN yang jelas dan telah menyebabkan spekulasi bahawa satu undi untuk BN atau UMNO adalah satu undi kepada PN dan sebaliknya. Justeru, strategi kerjasama yang terlihat pada PRU-14 antara WARISAN dengan PH kini diguna pakai oleh BN serta GRS-PN untuk memenangi PRU di Sabah. Strategi ini telah berjaya membuahkan hasil dengan kemenangan yang agak kukuh tanpa perpecahan undi yang berlaku antara WARISAN dengan PH. Situasi menang-menang ini mengukuhkan kedudukan parti masing-masing semasa pilihan raya dengan mengurangkan perpecahan undi buat penyokong mereka serta memudahkan penyokong yang digelar sebagai ‘atas pagar’ untuk membuat keputusan. Lebih-lebih lagi, pengundi atas pagar yang bersifat lebih tradisi akan memilih untuk mengundi parti yang seiring dengan pilihan mereka. GRS-PN dan UMNO mempunyai latar belakang yang sama serta mempunyai demografi pengundi yang hampir sama. Maka dengan itu, kurangnya persaingan sesama mereka memudahkan pengundi atas pagar yang mungkin terpaksa memilih antara UMNO dengan GRS untuk memberikan sokongan

kepada parti yang senada dalam pilihan politik mereka.

Strategi ini telah memberikan kelebihan kepada parti yang bertanding di kawasan di mana WARISAN dan PH merebut undi. Kekukuhan pengundi yang bersifat anti-WARISAN dan PH akan menumpukan undi mereka kepada UMNO dan GRS. Jadi, undi yang diterima oleh UMNO dan GRS adalah lebih stabil dalam memberikan kemenangan kepada mereka. Kurangnya persaingan kepada pengundi tradisi BN-UMNO dan GRS juga memberikan kesan dalam pola pengundian dan satu kelebihan kepada BN-UMNO dan GRS pada PRU-15 di Sabah. Hasil kerjasama GRS dengan BN untuk memilih situasi menang-menang dengan tidak bertanding bersama dalam satu-satu kawasan parlimen telah memberikan peluang kemenangan kepada parti politik yang bertanding. Namun, ia sebenarnya juga menunjukkan bahawa BN tidak yakin untuk memenangi kerusi yang banyak. Parti itu hanya bertanding 11 daripada 25 kerusi parlimen di Sabah kali ini dan sekadar memenangi tujuh kerusi. Faktor menang-menang antara parti pada PRU-14 dan PRU-15 sudah tentu merupakan formula yang menarik untuk dilihat pada PRU seterusnya meskipun ia juga bergantung kepada perkembangan politik tempatan Sabah serta nasional.

Pasca PRU-15 di Sabah

Hasil daripada perbincangan dan kerjasama antara kerajaan baharu pasca PRU-15 bersama dengan negeri-negeri Borneo telah melahirkan semangat Blok Borneo. GRS yang sebelum ini berpihak kepada PN kini telah berpaling dan memilih untuk menggerakkan parti yang lebih fokus kepada kehendak tempatan dan hak-hak Sabah. Tindakan ini seolah-olah memberikan nafas baharu kepada interaksi kerajaan pusat dan negeri melalui sokongan politik yang diberikan oleh mereka.⁵⁴ Kepentingan sokongan Blok Borneo adalah antara kunci kepada kewujudan Kerajaan Perpaduan yang baharu ditubuhkan. Malah, keupayaan negeri-negeri Borneo yang mungkin menjadi '*kingmaker*' dalam pilihan raya Malaysia bakal mengubah percaturan politik yang sedia ada. Perubahan ini akan menjadikan mana-mana parti yang ingin mendapatkan sokongan politik dalam pemerintahan supaya juga memberikan tumpuan kepada negeri-negeri Borneo. Semangat politik Borneo yang cukup kuat di Sarawak kini seolah-olah mula berkembang ke negeri Sabah dan dijangkakan mencetuskan kedinamikan politik yang baharu di Sabah dan Malaysia. Walau bagaimanapun, kedudukan dan implikasi jawatan Timbalan Perdana Menteri yang pertama kalinya disandang oleh elit politik dari Borneo, masih belum dapat dilihat setakat ini.

Selain itu, gelombang pasca PRU-15 di Sabah juga mungkin menjadi lebih berat. Hal ini kerana, dalam tempoh beberapa bulan setelah pilihan raya umum tersebut berakhir, sejumlah elit politik telah melompat parti. Antaranya ialah semua pemimpin BERSATU Sabah yang berada dalam GRS termasuk empat orang Ahli Parlimen, iaitu Armizan Ali (Papar), Khairul Firdaus Akbar Khan (Batu Sapi), Jonathan Yasin (Ranau) dan Matbali Musah (Sipitang). Malah, Ahli DUN (ADUN) juga melakukan tindakan lompat atau keluar parti. Misalnya, Mohammad Mohamarin (Banggi), Ben Chong Chen Bin (Tanjong Kapor) dan Norazlinah Arif (Kunak). Ketiga-tiga mereka keluar daripada WARISAN dan menyokong kerajaan negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri, Hajiji Noor. Enam orang ADUN Warisan yang keluar lebih dahulu ialah Hassan A. Gani Pg Amir (Sebatik), Yusof Yacob (Sindumin), Mohamaddin Ketapi (Segama), Peter Anthony (Melalap), Juil Nuatim (Limbahau) dan Rina Jainal (Kukusan). Terbaru, Awang Ahmad Sah Sahari, ADUN Petagas keluar daripada WARISAN dan menyertai GRS, serta diikuti oleh ADUN Karamunting, George Hiew Vun Zin yang menjadikan beliau ADUN WARISAN ke-11 yang lompat parti.⁵⁵ Apatah lagi, cuma tujuh negeri setakat ini telah menguatkuasakan Enakmen Negeri yang berkaitan dengan larangan untuk menukar parti pada peringkat DUN. Negeri-negeri tersebut adalah Selangor, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Negeri Sembilan, Kelantan dan Sarawak.⁵⁶ Sabah seakan-akan belum bersedia untuk melaksanakan larangan

menukar parti berikutan budaya politik elit politik di negeri itu sendiri yang kerap melompat parti jika partinya kalah dalam pilihan raya atau mempunyai kepentingan politik tersendiri. Maka, selagi undang-undang anti lompat parti tidak dilaksanakan di Sabah, ia akan terus menjadi tiket bagi elit politik untuk menukar parti dengan sewenang-wenangnya dan negeri tersebut akan masih sinonim dengan tradisi 'katak' yang menjadi sindiran masyarakat.

Justeru, situasi politik Sabah menunjukkan bahawa WARISAN seolah-olah sudah lumpuh. Rakyat Sabah dan elit politik pada ketika ini dilihat bagaikan telah menolak parti itu secara sepenuhnya. Kegagalan WARISAN dalam mengukuhkan parti pada peringkat negeri dan kesilapan strategi dalam bertanding beberapa kerusi parlimen di Semenanjung Malaysia tampaknya memberikan ruang kepada parti lain seperti GRS untuk menarik sokongan rakyat. GRS semakin mengukuhkan kekuasaan politiknya kerana semakin ramai elit politik yang berpindah ke gabungan parti tersebut. UMNO dan BN Sabah pula mungkin bergerak sendiri setelah mereka menamatkan kerjasama dengan kerajaan negeri. Langkah ini dibuat kerana parti itu tidak berpuas hati dengan tindakan Ketua Menteri yang menghentikan khidmat Salleh Said Keruak sebagai Pengerusi Qhazanah Sabah dan mengugut untuk melakukan rombakan kabinet negeri. UMNO dan BN Sabah juga telah menarik sokongan kepercayaan terhadap Ketua Menteri. Namun begitu, tidak dapat dinafikan kemungkinan bahawa parti tersebut akan bekerjasama dengan parti-parti lain pada masa akan datang.⁵⁷ Di samping itu, Parti MUDA yang telah menempatkan calon sulung mereka di Sabah, iaitu Shahrizal Denci untuk bertanding di Parlimen Kota Marudu, juga tidak memberikan saingan hebat kepada parti-parti dan elit politik sedia ada. Oleh yang demikian, masing-masing parti sedang menyusun strategi dalam menuju Pilihan Raya Negeri ke-17 (PRN) Sabah yang akan diadakan dalam tempoh sekitar dua tahun lagi. Tempoh ini dilihat sebagai agak genting kerana apa-apa sahaja dapat terjadi termasuklah pergolakan politik yang sudah menjadi lumrah di negeri ini. Tambahan pula dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan akan memberikan kesan kepada negara dan negeri Sabah. Persoalan sosioekonomi khususnya pekerjaan, gaji minimum, pendidikan dan infrastruktur masih belum dapat ditangani dengan baik oleh mana-mana pihak.

Kesimpulan

Sabah sebagai sebuah negeri yang penuh dengan keunikan etnik dan budaya tempatan menawarkan susana politik yang berbeza daripada politik aliran utama di Malaysia. Walaupun Sabah adalah antara negeri yang termiskin di Malaysia dan berlakunya kekurangan pembangunan yang lebih terjamin, Sabah kekal sebagai pembekal kestabilan politik Malaysia secara berdekad-dekad yang direbut oleh mana-mana parti politik selama ini. Malah, kesan daripada kepelbagaian interaksi di Sabah telah melahirkan sebuah arena politik yang menarik di Malaysia. Keputusan PRU-15 secara amnya merupakan antara titik baharu perubahan kedinamikan politik di Malaysia. Titik ini akan meneruskan perhubungan yang menarik bagi dunia politik Malaysia dan Sabah. Seiring dengan perkembangan politik di Semenanjung Malaysia, negeri-negeri Borneo kini mengorak langkah dengan mengeluarkan diri daripada status "simpanan tetap" yang digelar selama ini. Perubahan hubungan politik antara pentas politik negeri dengan persekutuan pastinya akan meletakkan taruhan berbeza dalam pilihan raya yang seterusnya. Lebih-lebih lagi, Sabah menghadapi beberapa cabaran politik sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Perebutan kuasa, kemelut politik dan pergaduhan dalam parti atau parti-parti berbeza menyebabkan negeri ini masih bergelut dengan masalah ekonomi dan kemiskinan. Skandal rasuah juga menjadi masalah besar dalam politik Sabah selama beberapa dekad. Bahkan, sesetengah elit politik dan parti politik menggunakan agama dan kaum untuk menimbulkan ketegangan dalam masyarakat dan meraih sokongan. Justeru, tujuh aspek yang telah dibincangkan dalam artikel ini, iaitu hubungan kerajaan pusat-negeri, sentimen primordial, faktor calon, pengundi

muda, faktor pengundi bandar, faktor perpecahan gabungan parti politik, dan faktor situasi menang-menang gabungan parti politik, akan terus menjadi isu, trend dan cabaran yang meliputi politik dan pilihan raya di Sabah. Aspek-aspek ini diyakini masih wujud dalam pilihan raya umum atau pilihan raya negeri yang seterusnya. Malah, faktor-faktor ini dapat menjadi penanda aras bagi pilihan raya pada masa hadapan untuk tujuan ramalan serta perbincangan. Maka, meskipun keputusan PRU-15 di negeri ini tidak disambut dengan baik oleh sebahagian pengundi ekoran daripada kekecewaan mereka yang mengharapkan berlakunya perubahan signifikan, tetapi ia juga perlu difahami dan diterima sebagai satu proses demokrasi.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Geran Kecil Penyelidikan FSSK UKM (SK-2022-025) yang membantu penyiapan artikel ini. Penghargaan juga kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia yang membekalkan data jadual mata PRU-15 sebagai sebahagian dari kolaborasi penyelidikan SPR-Kluster Politik dan Keselamatan UKM.

Nota

¹ Muhamad Nadzri, *The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and Political Development in Malaysia, 1957-2018*, 2018.

² Azmil Tayeb, *Malaysia in 2020: Fragile Coalitional Politics and Democratic Regression*, 2020. Mark, E., Domingo, J.R. Sto., & Singh, N., *One Year On, the Centrality of Politics in Malaysia's COVID-19 Crisis*, 2021.

³ “Keputusan PRU15 belum diwartakan”, *Sinar Harian*, 23 November 2022, <https://www.sinarharian.com.my/article/232919/berita/nasional/keputusan-pru15-belum-diwartakan>.

⁴ “Inti pati perjanjian persefahaman Kerajaan Perpaduan”, *Berita Harian*, 16 Disember 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1040278/inti-pati-perjanjian-persefahaman-kerajaan-perpaduan>.

⁵ “PRU15: Calon BERSATU Sabah akan guna logo GRS – Muhyiddin”, *Berita Harian*, 12 Oktober 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1011182/pru15-calon-bersatu-sabah-akan-guna-logo-grs-muhyiddin>.

⁶ “Results overview”, *The Star*, 19 November 2022, <https://election.thestar.com.my/sabah.html>.

⁷ “Sabah ends its days as being BN’s ‘fixed deposit’ state”, *The MalayMail*, 25 Mei 2018, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/05/25/sabah-ends-its-days-as-being-bns-fixed-deposit-state/1634746>.

⁸ Anantha Raman, & Lai Yew Meng, *GE14: The Urban Voting Pattern in P172 Kota Kinabalu and P186 Sandakan, Sabah*, 2018.

⁹ “DUN Sabah tidak akan dibubar, walaupun Parlimen bubar tahun ini”, *Utusan Borneo*, 25 September 2022, <https://www.utusanborneo.com.my/2022/09/25/dun-sabah-tidak-akan-dibubar-walaupun-parlimen-bubar-tahun-ini>.

¹⁰ “Blok Borneo menawarkan kerajaan yang lebih baik”, *Utusan Borneo*, 17 November 2022, <https://www.utusanborneo.com.my/2022/11/17/blok-borneo-menawarkan-kerajaan-yang-lebih-baik>, “PRU-15: Dengar suara Borneo Blok untuk bentuk kerajaan”, *Utusan Malaysia*, 10 November 2022, <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/11/pru-15-dengar-suara-borneo-blok-untuk-bentuk-kerajaan/>.

¹¹ Ho Hui Ling, *Sabah di bawah Pentadbiran BERJAYA, 1976-1985: Satu Tinjauan*, 2006. Teddy Chin. 2022. The rise, fall and rise again of Usno. *Daily Express*, 3 Julai, <https://www.dailyexpress.com.my/read/4797/the-rise-fall-and-rise-again-of-usno/>.

¹² Chin, J., *Going East: UMNO's Entry into Sabah Politics*, 1999.

¹³ Asmady Idris, & Suzalie Mohamad, *Kelangsungan Dominasi Barisan Nasional di Sabah dalam Pilihan Raya Umum ke-13*, 2014.

Pilihan Raya Umum Ke-15 di Sabah: Isu, Trend dan Cabaran

- ¹⁴ Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining, & Kim, J.E., *Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional Fixed-Deposit State?*, 2016.
- ¹⁵ Mohamad Nawab Mohamad Osman, *A Transitioning Sabah in a Changing Malaysia*, 2017.
- ¹⁶ Farish A. Noor, *The 13th Malaysian General Elections from a Sabah Perspective*, 2013.
- ¹⁷ Mohd. Hamdan Haji Adnan, *Malaysia's 13th General Election in Sabah: Factors Determining the Winners*, 2013.
- ¹⁸ Asmady Idris, & Suzalie Mohamad, *Kelangsungan Dominasi Barisan Nasional di Sabah dalam Pilihan Raya Umum ke-13*, 2014.
- ¹⁹ Arnold Puyok, & Piya Raj Sukhani, *Sabah: Breakthrough in the Fixed Deposit State*, 2020.
- ²⁰ Wan Shawaluddin Wan Hassan, Nordin Sakke, Jusman Aman Setia, & Diana Peters, *Pilihan Raya Umum 14 (PRU14) dan Tumbangnya Barisan Nasional (BN) di Parlimen Silam*, 2018. Mohd. Noor Mat Yazid, *Keputusan Kerusi Parlimen Negeri Sabah Pilihan Raya Umum Ke-14 2018: Satu Analisis*, 2020.
- ²¹ Chin, J., *Sabah and Sarawak in the 14th General Election 2018 (GE14): Local Factors and State Nationalism*, 2018.
- ²² Eko Prayitno Joko, Zaini Othman, Saat Awg. Damit, & Aliakbar Gulasan, *Sentimen Primodial dan Kesedaran Politik dalam Pembangunan Politik Sabah: Penelitian terhadap PRU-14*, 2018.
- ²³ Wong Chin Huat, *Sabah State Election 2020: Did the Electorate Vote for Change?*, 2020.
- ²⁴ Aspers, P., & Corte, U., *What is Qualitative in Qualitative Research*, 2019.
- ²⁵ Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A., *Research Methods for Business Students*, 2007.
- ²⁶ Busetto, L., Wick, W., & Gumbinger, C., *How to Use and Assess Qualitative Research Methods*, 2020.
- ²⁷ Elo, S., & Kyngas, H., *The Qualitative Content Analysis Process*, 2008.
- ²⁸ Krippendorff, K., *Content Analysis: An Introduction to its Methodology*, 2019.
- ²⁹ Ramli Dollah, Eko Prayitno Joko, Nordin Sakke, Suhaimi Salleh, & Mohammad Faizal Rashid, *Hubungan Persekutuan-Negeri di Sabah Pasca PRU14: Prospek, Isu dan Cabaran*, 2018.
- ³⁰ Welsh, B. 2018. 'New' or 'old' Sabah in New Malaysia? *Malaysiakini*, 16 Julai, <https://www.malaysiakini.com/columns/434505>.
- ³¹ Yeoh, T., *Federal-State Relations under the Pakatan Harapan Government*, 2020.
- ³² Tony Paridi Bagang, Arnold Puyok, & Neilson Ilan Mersat, *The 16th Sabah State Election: Kadazandusun Politics and the Huguan Siou Factor*, 2021.
- ³³ Madiyem Layapan, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd. Azri Ibrahim, & Abang Mohd. Razif Abang Muis, *Transformasi dari 'Negeri' ke 'Wilayah': Satu Perbincangan Awal*, 2022.
- ³⁴ "PRU-15: Sabah, Sarawak boleh jadi 'kingmaker'", *Berita Harian*, 13 Oktober 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2022/10/1012002/pru-15-sabah-sarawak-boleh-jadi-kingmaker>.
- ³⁵ Asyraf Farique, & Irdina Hakimah, 'Sabah untuk Sabahan' - *Sempadan Wilayah Nasional & Federalisme Menjadi Taruhan*, 2020.
- ³⁶ "PRU15: Sabah, Sarawak sepakat bentuk Blok Borneo", *Berita Harian*, 19 November 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028580/pru15-sabah-sarawak-sepakat-bentuk-blok-borneo>.
- ³⁷ "Hajiji Presiden Gagasan Rakyat, GRS kini sepenuhnya tempatan", *Sinar Harian*, 5 Februari 2023, <https://www.sinarharian.com.my/article/243810/berita/politik/hajiji-presiden-gagasan-rakyat-grs-kini-sepenuhnya-tempatan>, "Warisan-GPS capai sefahaman, blok Borneo diumumkan tidak lama lagi -Shafie", *Utusan Malaysia*, 13 November 2022, <https://www.utusan.com.my/berita/2022/11/warisan-gps-capai-sefahaman-blok-borneo-diumumkan-tidak-lama-lagi-shafie/>.
- ³⁸ "Covid impacts income; Sabah tops in absolute poverty", *Daily Express*, 7 Ogos 2021, <https://www.dailyexpress.com.my/news/175882/covid-impacts-income-sabah-tops-in-absolute-poverty/>.
- ³⁹ Eko Prayitno Joko, Zaini Othman, Saat Awg. Damit, & Aliakbar Gulasan, *Sentimen Primodial dan Kesedaran Politik dalam Pembangunan Politik Sabah: Penelitian terhadap PRU-14*, 2018.

- ⁴⁰ Anantha Raman, & Lai Yew Meng, *GE14: The Urban Voting Pattern in P172 Kota Kinabalu and P186 Sandakan, Sabah*, 2018.
- ⁴¹ “Sentimen jadi faktor masyarakat KDM tolak Warisan Plus”, *Free Malaysia Today*, 1 Oktober 2020, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/10/01/sentimen-jadi-faktor-masyarakat-kdm-tolak-warisan-plus/>.
- ⁴² Affandy Johon, & Arnold Puyok, *Pilihan Raya Negeri Sabah Ke-16: Sokongan terhadap Parti STAR Dan Perspektif Politik Etnik Kadazandusun*, 2022.
- ⁴³ “PRN Sabah: Dua kajian beri dapatan berbeza mengenai faktor calon”, *Astro Awani*, 25 September 2020, <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-sabah-dua-kajian-beri-dapatan-berbeza-mengenai-faktor-calon-260882>.
- ⁴⁴ “GE15: Nearly 1 mln young voters in Sabah likely to pick people-friendly candidates”, *BERNAMA*, 17 November 2022, <https://www.nst.com.my/news/nation/2022/11/851773/ge15-nearly-1-mln-young-voters-sabah-likely-pick-people-friendly>.
- ⁴⁵ “Susulan Kekecohan di Tenom, Peter Ditahan 4 Jam Bantu Siasatan”, *Berita Harian*, 6 November 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/11/1021743/susulan-kekecohan-di-tenom-peter-ditahan-4-jam-bantu-siasatan>.
- ⁴⁶ “Riduan Rubin ‘Giant Killer’ Parlimen Tenom”, *Utusan Borneo*, 21 November 2022, <https://www.utusanborneo.com.my/2022/11/21/riduan-rubin-giant-killer-parlimen-tenom>.
- ⁴⁷ Abdul Hafiz Mustadi. 2022. PRU15: MBS jangka peratusan pengundi muda keluar mengundi di Sabah rendah. *Astro Awani*, 17 November, <https://www.astroawani.com/berita-politik/pru15-mbs-jangka-peratusan-pengundi-muda-keluar-mengundi-di-sabah-rendah-392106>.
- ⁴⁸ Temu bual dan pemerhatian kajian lapangan di beberapa kawasan di Kota Kinabalu dan Sepanggar.
- ⁴⁹ Mohd Fitri Abdul Rahman, *Trend Pengundian dan Dinamika Politik Cina di Malaysia*, 2016.
- ⁵⁰ Mohd. Noor Mat Yazid, & Md. Saffie Abd. Rahim, *Pencapaian Barisan Nasional (BN) di Kawasan Parlimen dan DUN Majoriti Pengundi Kaum Cina di Negeri Sabah: Satu Analisis Perbandingan PRU-13 dan PRU-14*, 2018.
- ⁵¹ Assim Hassan. 2022. PRU15: “Kita tidak boleh paksa kalau Warisan tidak mahu bekerjasama” - DAP Sabah. *Astro Awani*, 14 Oktober, <https://www.astroawani.com/berita-politik/pru15-kita-tidak-boleh-paksa-kalau-warisan-tidak-mahu-bekerjasama-dap-sabah-385971>.
- ⁵² Asyikin Asmin. 2022. Putus kerjasama dengan PH mudahkan Warisan buat keputusan. *Sinar Harian*, 5 Julai, <https://www.sinarharian.com.my/article/210048/berita/politik/putus-kerjasama-dengan-ph-mudahkan-warisan-buat-keputusan>.
- ⁵³ Izwan Abdullah. 2022. GRS, UMNO kekal bekerjasama di Sabah. *Berita Harian*, 7 Oktober, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1009146/grs-umno-kekal-bekerjasama-di-sabah>.
- ⁵⁴ “GRS, GPS won’t abandon Anwar”, *Daily Express*, 8 Mac 2023, <https://www.dailyexpress.com.my/news/208869/grs-gps-won-t-abandon-anwar/>.
- ⁵⁵ “Lagi ADUN Warisan keluar parti”, *Utusan Malaysia*, 27 Februari 2023, <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/lagi-adun-warisan-keluar-parti/>; “Lagi ADUN Sabah umum keluar parti Warisan”, *KOSMO*, 4 Mac 2023, <https://www.kosmo.com.my/2023/03/04/lagi-adun-sabah-umum-keluar-parti-warisan/>.
- ⁵⁶ “Hanya 7 negeri kuat kuasa undang-undang lompat parti”, *Berita Harian*, 23 Februari 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068356/hanya-7-negeri-kuat-kuasa-undang-undang-lompat-parti>.
- ⁵⁷ “BN Sabah tarik diri dari kerajaan Sabah”, *Berita Harian*, 6 Januari 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1048585/bn-sabah-tarik-diri-dari-kerajaan-sabah>.

Rujukan

- Abdul Hafiz Mustadi. 2022. "PRU15: MBS Jangka Peratusan Pengundi Muda Keluar Mengundi di Sabah Rendah". *Astro Awani*, 17 November. <https://www.astroawani.com/berita-politik/pru15-mbs-jangka-peratusan-pengundi-da-keluar-mengundi-di-sabah-rendah-392106>.
- Affandy Johon, & Arnold Puyok. 2022. "Pilihan Raya Negeri Sabah Ke-16: Sokongan terhadap Parti STAR dan Perspektif Politik Etnik Kadazandusun", *Trends in Undergraduate Research* 5, no. 1: 9-19.
- Anantha Raman, & Lai Yew Meng. 2018. "GE14: The Urban Voting Pattern in P172 Kota Kinabalu and P186 Sandakan, Sabah", *JEBAT* 45, no. 2: 298-318.
- Arnold Puyok, & Piya Raj Sukhani. 2020. "Sabah: Breakthrough in the Fixed Deposit State", *The Round Table* 109, no. 2: 209-224.
- Assim Hassan. 2022. "PRU15: "Kita Tidak Boleh Paksa Kalau Warisan Tidak Mahu Bekerjasama" - DAP Sabah". *Astro Awani*, 14 Oktober. <https://www.astroawani.com/berita-politik/pru15-kita-tidak-boleh-paksa-kalau-warisan-tidak-mahu-bekerjasama-dap-sabah-385971>.
- Asmady Idris, & Suzalie Mohamad. 2014. "Kelangsungan Dominasi Barisan Nasional di Sabah dalam Pilihan Raya Umum Ke-13", *Kajian Malaysia* 32, no. 2: 171-206.
- Aspers, P., & Corte, U. 2019. "What is Qualitative in Qualitative Research", *Qualitative Sociology* 42, 139-160.
- Astro Awani. 2020. "PRN Sabah: Dua Kajian Beri Dapatan Berbeza Mengenai Faktor Calon". Diakses 1 Mac 2023. <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-sabah-dua-kajian-beri-dapatan-berbeza-mengenai-faktor-calon-260882>.
- Asyikin Asmin. 2022. "Putus Kerjasama dengan PH Mudahkan Warisan Buat Keputusan". *Sinar Harian*, 5 Julai. <https://www.sinarharian.com.my/article/210048/berita/politik/putus-kerjasama-dengan-ph-mudahkan-warisan-buat-keputusan>.
- Asyraf Farique, & Irdina Hakimah. 2020. 'Sabah untuk Sabahan' - Sempadan Wilayah Nasional & Federalisme Menjadi Taruhan. Bangi: Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute Berhad.
- Azmil Tayeb. 2020. "Malaysia in 2020: Fragile Coalitional Politics and Democratic Regression", *Asian Survey* 61, no. 1: 99-105.
- Berita Harian*. 2023. "BN Sabah Tarik Diri dari Kerajaan Sabah". Diakses 27 Mac 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1048585/bn-sabah-tarik-diri-dari-kerajaan-sabah>.
- Berita Harian*. 2023. "Hanya Tujuh Negeri Kuat Kuasa Undang-Undang Lompat Parti". Diakses 27 Mac 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068356/hanya-7-negeri-kuat-kuasa-undang-undang-lompat-parti>.
- Berita Harian*. 2022. "Inti Pati Perjanjian Persefahaman Kerajaan Perpaduan". Diakses 12 Februari 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1040278/inti-pati-perjanjian-persefahaman-kerajaan-perpaduan>.
- Berita Harian*. 2022. "PRU15: Calon BERSATU Sabah Akan Guna Logo GRS – Muhyiddin". Diakses 12 Februari 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1011182/pru15-calon-bersatu-sabah-akan-guna-logo-grs-muhyiddin>.
- Berita Harian*. 2022. "PRU-15: Sabah, Sarawak Boleh Jadi 'Kingmaker'". Diakses 12 Februari 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2022/10/1012002/pru-15-sabah-sarawak-boleh-jadi-kingmaker>.

- Berita Harian*. 2022. "PRU15: Sabah, Sarawak Sepakat Bentuk Blok Borneo". Diakses 12 Februari 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028580/pru15-sabah-sarawak-sepakat-bentuk-blok-borneo>.
- Berita Harian*. 2022. "Susulan Kekecohan di Tenom, Peter Ditahan 4 Jam Bantu Siasatan". Diakses 27 Mac 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/11/1021743/susulan-kekecohan-di-tenom-peter-ditahan-4-jam-bantu-siasatan>.
- BERNAMA*. 2022. "GE15: Nearly 1 Mln Young Voters in Sabah Likely to Pick People-Friendly Candidates". Diakses 15 Februari 2023. <https://www.nst.com.my/news/nation/2022/11/851773/ge15-nearly-1-mln-young-voters-sabah-likely-pick-people-friendly>.
- Busetto, L., Wick, W., & Gumbinger, C. 2020. "How to Use and Assess Qualitative Research Methods", *Neurological Research and Practice* 2, no. 14: 1-10.
- Chin, J. 2018. "Sabah and Sarawak in the 14th General Election 2018 (GE14): Local Factors and State Nationalism", *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 37, no. 3: 173-192.
- Chin, J. 1999. "Going East: UMNO's Entry into Sabah Politics", *Asian Journal of Political Science* 7, no. 1: 20-40.
- Daily Express*. 2023. "GRS, GPS Won't Abandon Anwar". Diakses 17 Mac 2023. <https://www.dailyexpress.com.my/news/208869/grs-gps-won-t-abandon-anwar/>.
- Daily Express*. 2021. "Covid Impacts Income; Sabah Tops in Absolute Poverty". Diakses 15 Mac 2023. <https://www.dailyexpress.com.my/news/175882/covid-impacts-income-sabah-tops-in-absolute-poverty/>.
- Eko Prayitno Joko, Zaini Othman, Saat Awg. Damit, & Aliakbar Gulasan. 2018. "Sentimen Primordial dan Kesedaran Politik dalam Pembangunan Politik Sabah: Penelitian terhadap PRU-14", *Jurnal Kinabalu*, Edisi Khas, 77-110.
- Elo, S., & Kyngas, H. 2008. "The Qualitative Content Analysis Process", *Journal of Advanced Nursing* 62, no. 1: 107-115.
- Farish A. Noor. 2013. "The 13th Malaysian General Elections from a Sabah Perspective", *The Round Table* 102, no. 6: 541-548.
- Free Malaysia Today*. 2020. "Sentimen Jadi Faktor Masyarakat KDM Tolak Warisan Plus". Diakses 15 Februari 2023. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/10/01/sentimen-jadi-faktor-masyarakat-kdm-tolak-warisan-plus/>.
- Ho Hui Ling. 2006. "Sabah di bawah Pentadbiran BERJAYA, 1976-1985: Satu Tinjauan". *SEJARAH: Journal of the Department of History* 14, no. 14: 117-135.
- Izwan Abdullah. 2022. "GRS, UMNO Kekal Bekerjasama di Sabah". *Berita Harian*, 7 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1009146/grs-umno-kekal-bekerjasama-di-sabah>.
- KOSMO*. 2023. "Lagi ADUN Sabah Umum Keluar Parti Warisan". Diakses 4 Mac 2023. <https://www.kosmo.com.my/2023/03/04/lagi-adun-sabah-umum-keluar-parti-warisan/>.
- Krippendorff, K. 2019. *Content Analysis: An Introduction to its Methodology*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Madiyahem Layapan, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd. Azri Ibrahim, & Abang Mohd. Razif Abang Muis. 2022. "Transformasi dari 'Negeri' ke 'Wilayah': Satu Perbincangan Awal", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7, no. 6: 1-19.
- Mark, E., Domingo, J.R. Sto., & Singh, N. 2021. "One Year On, the Centrality of Politics in Malaysia's COVID-19 Crisis". *Southeast Asian Affairs*, 185-202.
- Mohd. Fitri Abdul Rahman. 2016. "Trend pengundian dan dinamika politik Cina di Malaysia", *International Journal of Law, Government and Communication* 1, no. 1: 14-24.

- Mohd. Hamdan Haji Adnan. 2013. "Malaysia's 13th General Election in Sabah: Factors Determining the Winners", *JEBAT* 40, no. 2: 93-112.
- Mohd. Noor Mat Yazid. 2020. "Keputusan Kerusi Parlimen Negeri Sabah Pilihan Raya Umum ke-14 2018: Satu Analisis", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5, no. 4: 8-18.
- Mohd. Noor Mat Yazid, & Md. Saffie Abd. Rahim. 2018. "Pencapaian Barisan Nasional (BN) di Kawasan Parlimen dan DUN Majoriti Pengundi Kaum Cina di Negeri Sabah: Satu Analisis Perbandingan PRU-13 dan PRU-14", *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 271-289.
- Mohamad Nawab Mohamad Osman. 2017. "A Transitioning Sabah in a Changing Malaysia", *Kajian Malaysia* 35, no. 1: 23-40.
- Muhamad Nadzri. 2018. "The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and Political Development in Malaysia, 1957-2018", *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 37, no. 3: 139-171.
- Ramli Dollah, Eko Prayitno Joko, Nordin Sakke, Suhaimi Salleh, & Mohammad Faizal Rashid. 2018. "Hubungan Persekutuan-Negeri di Sabah Pasca PRU14: Prospek, Isu dan Cabaran", *Jurnal Kinabalu*, 351-381.
- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. 2007. *Research Methods for Business Students*. Edinburgh: Financial Times Prentice Hall.
- Sinar Harian*. 2022. "Hajiji Presiden Gagasan Rakyat, GRS Kini Sepenuhnya Tempatan". Diakses 10 Mac 2023. <https://www.sinarharian.com.my/article/243810/berita/politik/hajiji-presiden-gagasan-rakyat-grs-kini-sepenuhnya-tempatan>.
- Sinar Harian*. 2022. "Keputusan PRU15 Belum Diwartakan". Diakses 8 Februari 2023. <https://www.sinarharian.com.my/article/232919/berita/nasional/keputusan-pru15-belum-diwartakan>.
- Teddy Chin. 2022. "The Rise, Fall and Rise Again of Usno". *Daily Express*, 3 Julai. <https://www.dailyexpress.com.my/read/4797/the-rise-fall-and-rise-again-of-usno/>.
- The Malay Mail*. 2018. "Sabah Ends its Days as being BN's 'Fixed Deposit' State". Diakses 7 Februari 2023. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/05/25/sabah-ends-its-days-as-being-bns-fixed-deposit-state/1634746>.
- The Star*. 2022. "Results Overview". Diakses 9 Februari 2023. <https://election.thestar.com.my/sabah.html>.
- Tony Paridi Bagang, Arnold Puyok, & Neilson Ilan Mersat. 2021. "The 16th Sabah State Election: Kadazandusun politics and the Huguan Siou factor". *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6, no. 10: 404-412.
- Utusan Borneo*. 2022. "Blok Borneo Menawarkan Kerajaan yang Lebih Baik". Diakses 10 Mac 2023. <https://www.utusanborneo.com.my/2022/11/17/blok-borneo-menawarkan-kerajaan-yang-lebih-baik>.
- Utusan Borneo*. 2022. "DUN Sabah Tidak Akan Dibubar, Walaupun Parlimen Bubar Tahun Ini". Diakses 9 Februari 2023. <https://www.utusanborneo.com.my/2022/09/25/dun-sabah-tidak-akan-dibubar-walaupun-parlimen-bubar-tahun-ini>.
- Utusan Borneo*. 2022. "Riduan Rubin 'Giant Killer' Parlimen Tenom". Diakses 27 Mac 2023. <https://www.utusanborneo.com.my/2022/11/21/riduan-rubin-giant-killer-parlimen-tenom>.
- Utusan Malaysia*. 2023. "Lagi ADUN Warisan Keluar Parti". Diakses 27 Mac 2023. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/lagi-adun-warisan-keluar-parti/>, "Lagi ADUN Sabah umum keluar parti Warisan.
- Utusan Malaysia*. 2022. "PRU-15: Dengar Suara Borneo Blok untuk Bentuk Kerajaan". Diakses 10 Mac 2023. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/11/pru-15-dengar-suara-borneo-blok-untuk-bentuk-kerajaan/>.

- Utusan Malaysia*. 2022. "Warisan-GPS Capai Sefahaman, Blok Borneo Diumum Tidak Lama Lagi -Shafie". Diakses 15 Mac 2023. <https://www.utusan.com.my/berita/2022/11/warisan-gps-capai-sefahaman-blok-borneo-diumum-tidak-lama-lagi-shafie/>.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Nordin Sakke, Jusman Aman Setia, & Diana Peters. 2018. "Pilihan Raya Umum 14 (PRU14) dan Tumbangnya Barisan Nasional (BN) di Parlimen Silam", *Jurnal Kinabalu*, Edisi Khas, 383-409.
- Welsh, B. 2018. "'New' or 'Old' Sabah in New Malaysia?". *Malaysiakini*, 16 Julai. <https://www.malaysiakini.com/columns/434505>.
- Wong Chin Huat. 2020. "Sabah State Election 2020: Did the Electorate Vote for Change?", *Platform: A Journal of Management and Humanities* 3, no. 2: 2-15.
- Yeoh, T. 2020. *Federal-State Relations under the Pakatan Harapan Government*. Singapura: ISEAS – Yusof Ishak Institute.
- Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining, & Kim, J.E. 2016. "Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional Fixed-Deposit State?", *Southeast Asia Review* 3, no. 26: 91-118.